



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/76 (HQ)

KESEMUA 44 PUSAT PEMINDAHAN DAPAT BEKALAN ELEKTRIK

Kesemua 44 pusat pemindahan mangsa banjir di Pulau Pinang mendapat bekalan elektrik yang disalurkan oleh TNB melalui pencawang elektrik (PE) yang berhampiran pusat-pusat pemindahan tersebut.

Sehingga jam 3 petang hari ini, TNB juga telah memasang 35 set janakuasa bergerak (genset) di kawasan-kawasan penting dan sesuai.

Sementara itu 31 daripada 4,852 pencawang elektriknya di negeri itu masih lagi dihentitugas atas faktor-faktor keselamatan.

“Bagi kawasan-kawasan yang masih belum mendapat bekalan elektrik, kami berharap pengguna dapat bersabar kerana usaha sedang dilakukan untuk memulihkan bekalan secepat mungkin.

“Kelewatan antara lain disebabkan PE masih lagi ditenggelami air dan kerja-kerja baik pulih akan mengambil sedikit masa,” kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Justeru katanya, pengguna di Pulau Pinang dinasihatkan untuk merujuk kepada Facebook TNB Careline atau menghubungi talian TNB Careline 15454 bagi mendapatkan maklumat terkini bekalan elektrik.

Menurut Wan Nazmy, selain Pulau Pinang, TNB juga akan terus memantau keadaan semua pepasangannya di Perak dan Kedah yang dijangka menerima taburan hujan yang tinggi beberapa hari lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur, jam 5:45 petang, 6 November 2017

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) dan Datuk Omar Sidek (013-341 8988) / media@tnb.com.my